

1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



Pertanyaan dari:

En. Haizam bin Adam
Kampung Binjai – Kemaman –
Terengganu.

Sukacita rasanya jika tuan dapat memberi sedikit sebanyak penerangan di atas soalan-soalan saya di bawah ini untuk ruangan “1001 Masalah”

a. Apakah hikmah-hikmah di sebalik khatib memegang tongkat ketika membaca khutbah?

b. Sejak bilakah perkara sedemikian diciptakan?

Jawab

a. Pada zaman permulaan Islam berkembang Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ṣallam* berkhotbah dengan berdiri di atas tunggul sebatang pohon kurma dan baginda berdiri dengan bertelekan kepada sebuah batang panah atau sebatang tongkat dijadikan tempat menyandarkan lengannya.

Kemudian bila mana ajaran-ajaran Islam mulai disiarkan dengan secara terang-terangan, maka Nabi pun berkhotbah di atas minbar dengan memegang pedang dan kadang-kadang baginda memegang alat pemanah sebagai menunjukkan bahawa Islam mulai gagah dan kuat.

Pada zaman Banī Umayyah setelah Islam berkembang dengan seluas-luasnya, ke seluruh pelusuk dunia, maka khatib-khatib pun

berkhotbah di atas minbar-minbar yang sangat indah dan permai. Minbar-minbar itu diukir dengan ukiran-ukiran yang cantik menarik. Dengan cara dan gaya yang gagah perkasa khatib-khatib yang berdiri di atas minbar-minbar itu memegang sebilah pedang emas yang terhunus bertatahkan dengan permata intan dan mutu manikam yang bernilai tinggi.

Hikmahnya ialah menunjukkan kepada mata dunia bahawa Islam adalah suatu agama yang gagah perkasa, penganut-penganutnya berani mati berjuang untuk mempertahankan kemuliaan dan kesucian agama mereka. Islam suatu agama yang kaya-raya dan makmur dengan menjalankan dasar-dasar kerjasama dan semangat gotong-royong di antara sesama Islam, dan seterusnya di antara sesama manusia.

Kemudian setelah cahaya Islam mulai malap dan pudar, kekuatan negara-negara Islam mulai lemah dan tak berdaya – dengan sebab kelalaian daripada umat-umat Islam sendiri – maka cara berkhotbah dengan memegang pedang-pedang emas yang bertatahkan permata intan dan mutu manikam itu terus ditukar dengan tongkat biasa sahaja.

b. Berkhotbah dengan secara memegang tongkat itu telah diciptakan dari sejak zaman Rasulullah (S.A.W) masih hidup lagi. Baginda

sendiri sewaktu berkhotbah pernah memegang tongkat atau sebatang panah.

Adapun dalil yang menunjukkan bahawa berkhotbah dengan memegang tongkat itu telah diadakan dari sejak zaman Rasulullah (S.A.W) masih hidup ada didapati di dalam satu hadith yang berbunyi: “*‘An al-Ḥakīm’ bin Ḥazan raḍiya Allāhu qāla: Wafadtu ilā Rasuli Allāhi ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ṣallam, fa shahidna ma’ahu al-jumu’ata fu qāma mutawakkī’a ‘alā qawsi aw ‘aṣī fa ḥamida Allāha wa ithnā ‘alayhi kalimātin khafīfāti ṭayyibāti mubārakāt.*

(Diriwayatkan oleh Abū Dawud). Ertinya (Dari Ḥakīm bin Ḥazan raḍiya Allāhu ‘anhu berkata ia: Aku pernah diutus kepada Nabi (S.A.W), maka kami pergi dengan baginda ke sembahyang Jumaat, lalu baginda berdiri bertelekan ke sebuah batang panah atau sebatang tongkat lantas baginda memuji Allah dan menyanjung-Nya dengan kalimah-kalimah yang sederhana dan baik-baik, lagi mengandung berkat).

Kemudian pada zaman Banī Umayyah hingga ke zaman Banī al-‘Abbās tongkat itu diganti dengan pedang emas. Selepas zaman Banī al-‘Abbās hingga ke zaman kita sekarang ini pedang emas itu diganti pula dengan tongkat biasa.

Pertanyaan daripada:

En. Mustafa bin Ahmad,
Sabak Bernam,
Selangor.

Apakah hukum orang yang terlintas di hatinya bahawa ia telah keluar daripada agama Islam, tetapi pada ketika itu juga ia terus mengucap dua kalimah *al-Shahadah* dan bertaubat kepada Allah adakah orang itu sudah dianggap sebagai seorang yang murtad? Dan

¹ Perkataan sebenar ialah *al-Ḥakam*.

bagaimana kalau kejadian itu berlaku berulang-ulang kali?

Jawab

Orang yang ada terlintas di dalam hatinya hendak keluar ataupun sudah keluar daripada agama Islam, tetapi pada ketika itu juga ia lantas mengucap dan bertaubat, maka orang itu tidaklah dianggap ia sudah keluar daripada agama Islam, iaitu sudah menjadi seorang yang kafir atau murtad, walaupun kejadian itu berlaku dengan berulang-ulang kali. Kerana sudah terang sekali yang lintasan hatinya itu berlaku dengan tidak senghaja dan ia sendiri tidak sukakan kejadian itu berlaku. Lintasan hati yang serupa ini adalah dinamakan waswas.

Ada beberapa dalil daripada al-Qur'an dan al-hadith yang menyatakan bahawa perkara-perkara yang dilakukan dengan secara tidak sengaja, atau dengan secara lintasan hati yang terbit daripada perasaan waswas itu tidaklah dianggap salah pada sisi agama.

Firman Allah di dalam surat al-Baqarah ayat (225): "*Lā yu'akhdhukum Allāhu bi al-laghwī fi aymanikum wa lākin yu'akhdhukum bi mā kasabat qulūbukum.*" Ertinya: Allah tidak menganggap kamu bersalah dengan sebab sumpah-sumpah kamu yang tidak disengaja, tetapi Ia anggap kamu bersalah dengan sebab apa yang diusahakan oleh hati-hati kamu.

Maksud ayat tersebut ialah: Bahawa sumpah-sumpah yang terbit dari mulut dengan tidak diikrarkan (disungguh-sungguhkan) dengan hati itu tidaklah dianggap salah.

Menurut suatu riwayat bahawa telah turun suatu ayat yang berbunyi:

"Wa in tubdū mā ft anfusikum aw tukhfūhu yuḥāsibkum Allāh²." Ertinya:

Jika kamu terangkan apa-apa yang ada di dalam hati kamu ataupun kamu sembunyikan, Allah akan menghitungnya. (al-Baqarah 284). Di kala itu sahabat-sahabat Nabi mengadu kepada baginda dengan mengatakan mereka sangat berasa keberatan kalau gerakan hati itu akan dihitung dosanya.

Pada ketika itu juga turunlah firman Allah di dalam surat al-Baqarah ayat (286) yang berbunyi "*Lā yukallifu Allāhu nafsan ilā³ wus'ahā.*" Ertinya: Allah tidak memberati seseorang itu melainkan sekadar yang terdaya olehnya.

Maksudnya gerakan hati yang terbit daripada perasaan waswas itu tidak dihitung atau dianggap salah oleh syariat Islam.

Berhubung dengan soal ini di dalam suatu hadith sahih yang diriwayatkan oleh *al-Imām* al-Bukhārī dan Muslim Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* ada bersabda: "*Inna Allāh tajāwaza lī 'an ummaī mā ḥadathat bihi anfusahā mā lam tatakallam aw ta'mal bih.*" Ertinya: Sesungguhnya Allah telah mengampunkan keranaku akan (dosa) umatku yang dibisik-bisik oleh gerakan hati mereka, selagi mereka tidak mengatakannya atau mengerjakan dia.

Kesimpulan dari maksud hadith di atas bahawa perasaan ragu-ragu, atau waswas yang terlintas di hati kita itu tidak dikira dosanya, melainkan kalau kita telah melahirkan akan apa yang tergerak di hati kita itu dengan ucapan mulut atau

melakukannya dengan perbuatan anggota.

Maka dengan beberapa dalil dan keterangan yang telah kita bentangkan di atas maka dapatlah kita pastikan, bahawa apa-apa perasaan yang terlintas di dalam hati terbit dari rasa waswas itu tidak dipandang salah oleh Islam. Melainkan kalau segala yang terlintas di hati itu kita lahirkan dengan ucapan mulut (lidah) ataupun kita lakukan dengan perbuatan anggota.

Abu al-Mokhtar.

Soal Jawab Ilmiah

S: Berapa ukuran sebesar-besar gajah dalam dunia?

J: Sebesar-besar gajah yang pernah dijumpai orang di dalam dunia, ialah panjangnya 13 kaki 2 inci dan beratnya 12 tan (480 kati).

* * *

S: Apa perbezaan di antara gajah Afrika dengan gajah Asia?

J: Gajah Afrika kakinya lebih panjang dan potongan telinganya lebih lebar.

* * *

S: Kota apakah yang paling lama dibangunkan dalam dunia?

J: Kota Damsyik di Syria.

* * *

S: Siapa yang mula datang bermukim di pulau Ceylon?

J: Satu keluarga yang datang dari perlembahan Ganges di negeri India pada tahun 543 sebelum Masihi.

² Perkataan sebenar ialah *yuḥāsibkum bihi Allāh.*

³ Perkataan sebenar ialah *illā.*